

Parti kemerdekaan Malaya (IMP) yang dipimpin oleh Dato' Onn bekas pemimpin UMNO itu dan sedang mendakwa hendak mencapai kemerdekaan bagi Malaya itu. Sedang melalui jalan kecewa dengan nyatanya. Sokongan orang ramai penduduk negeri ini, telah tiada diperolehi sebagaimana yang sangat diharap-harap dan dikehendaki oleh pemimpinnya. Pemimpin agung parti itu telah mencuba dengan beberapa daya upaya hendak menarik hati orang ramai kepada partinya itu. Di dalam percubaannya hendak menarik hati orang ramai kepada partinya itu. Pemimpin parti itu telah mencuba hendak mengelirukan orang ramai terutama orang-orang Melayu dengan memuji-muji keelokan perdirian dan pergerakan partinya itu dengan memburukkan parti lawannya iaitu UMNO dan pemimpinnya.

oleh Abham

Hendak Ke Mana IMP?

Peluang yang besar yang telah diambil bagi memburuk-burukkan UMNO itu ialah di dalam masa pertandingan pilihan raya yang telah diadakan baharu-baharu ini di mana-mana bandar yang di dalam masa kedua-dua parti UMNO dan IMP itu masuk bertanding tujuan yang dibuat demikian ialah hendak memenangi kerusi-kerusi di dalam majlis-majlis mesyuarat bandaran dan memasukkan fahaman parti itu ke dalam fikiran orang ramai untuk mengembangkan pengaruhnya. Bagaimanapun hasilnya telah sama-sama diketahui IMP telah kecewa dengan sehabis-habis kecewanya.

Kekecewaan IMP di dalam pilihan raya itu adalah besar kesannya bagi kekecewaan di dalam perjaungannya di dalam siasah dan begitulah kekecewaannya itu menunjukkan bagaimana orang ramai memandang IMP dan harapan mereka kepadanya. Yang demikian menunjukkan juga bahawa kekecewaan IMP di dalam pertandingan pilihan raya majlis-majlis mesyuarat bandaran itu. Bukanlah kerana tidak cergas atau tidak bijak pemimpin-pemimpin pergerakan pertandingan parti itu akan tetapi ialah kerana orang ramai sendiri tiada mempunyai keyakinan ke atas parti itu kecuali bilangan yang sedikit juar.

Parti Kemerdekaan Malaya atau IMP itu,

ditubuhkan oleh Dato' Onn kerana hendak mencapai kemerdekaan Malaya. Dengan tidak mengendahkan lagi apa yang akan berlaku ke atas bangsa Melayu masa akan datang dan haknya sebagaimana juga tidak mengendahkan sama ada yang demikian disetujui oleh orang-orang Melayu atau tidak dan jeritan-jeritan mereka.

Sama ada kemerdekaan yang ditujui oleh IMP itu akan dapat menjamin nasib baik bagi orang-orang Melayu dan hak-haknya. Adalah seperkara yang terpulang kepada pengetahuan dan pandangan pemimpin agung dan pengikut-pengikut parti itu sendiri akan tetapi bagaimanapun percubaan-percubaannya di dalam gerakan hendak memajukan dasar perjuangannya bahawa pihak parti itu terutama pemimpin agungnya sendiri telah menafikan hak ketuanan orang Melayu di Tanah Melayu ini adalah seperkara yang bukan sahaja merosakkan dan menolak taraf kedudukan orang Melayu sebagai anak negeri Tanah Melayu ini sebagaimana pihak itu telah mendakwa dengan buta tuli bahawa kemerdekaan Tanah Melayu ini tiada akan diberi kepada sesuatu kaum sahaja yang bererti kaum Melayu itu. Akan tetapi juga telah menimbulkan kemarahan yang dasyat kepada orang-orang Melayu yang kasihkan bangsa dan tanah airnya.

Kaum Melayu atau Bangsa Melayu hendak dihapuskan ke dalam bangsa Malayanya. Kadaulatan bangsa Melayu Tanah Melayu dan Raja-raja Melayu akan hilang manakala Tanah Melayu yang hendak di-Malayan-kan itu. Akan berkebangsaan Malayan dan bercorak Malayan. Itulah dasar perjuangan IMP dan di dalam semangat inilah IMP terdiri dari segala bangsa yang mempunyai berbagai kemauhan dan tuntutannya yang di luar haknya di negeri ini sebagaimana yang sentiasa didapati dengan tidak adanya kepercayaan orang ramai itu. Tidaklah menghairankan manakala IMP telah kecewa dengan dahsyatnya di dalam pilihan raya Majlis Mesyuarat Bandaran. Khasnya di Johor Baharu itu dan akan kecewa di dalam perjuangannya yang lain lagi dan tiadalah diketahui hendak ke manakah IMP akan memimpin dan akan membawa pengikut-pengikutnya.

Raja-raja dan Orang-orang Besar Melayu

Raja-raja Melayu ialah Raja yang berpelembagaan. Di dalam pertadbiran negeri tiap-tiap seorang Raja itu mempunyai seorang penasihat British. Penasihat-penasihat itu kewajipannya ialah memberi nasihat apabila dikehendaki. Selain dari itu, di dalam majlis mesyuarat Raja-raja adalah Menteri-menteri Besar itu ialah menjadi penasihat bagi Duli-duli Yang Maha Mulia itu.

Di dalam pertadbiran agama, Raja-raja itu mempunyai sebuah lembaga untuk menasihati di dalam hal ehwal agama. Dengan adanya penasihat-penasihat ini, adalah Duli-duli Yang Maha Mulia itu bolehlah mengambil bahagiannya yang luas di dalam memimpin negara. Secara perlombagaan di dalam pertadbiran negeri dan agama yang meminta kebahagiaann rakyat jelata dan meyaksikan kehendak-kehendak yang hak dan halal dari rakyat.

Orang-orang besar Melayu, sebagai menteri-menteri besar, setiausaha-setiausaha kerajaan dan ahli-ahli majlis mesyuarat kerajaan adalah sama berhak dan mempunyai bahagian masing-masing di dalam memimpin pertadbiran negeri dan membentuk penghidupan rakyat yang sempurna.

Orang-orang besar Melayu terutama yang lebih rapat dengan Duli-duli Yang Maha Mulia, sebagai Menteri Besar itu, sebagai Penasihat dan sebagai tangan kanan Raja-raja dan negeri itu. Sangatlah mustahak kedudukannya sebagaimana juga mustahak mendatangkan pertolongan yang besar kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan Raja dan rakyat jelata.

Rakyat jelata adalah sedang bergantung nasib mereka kepada Raja-raja dan orang-orang besarnya. Begitulah bagi Raja-raja dan orang-orang besar itu. Sudah tentu sedar di atas hal ini dan sedia sedar akan tanggungjawabnya.

Bagaimanapun, tanda-tanda kesedaran itu hanyalah boleh disaksikan dari perbuatan-perbuatan yang nyata dan kebijakan-kebijakan yang dirasai dan diterima oleh rakyat.

Di dalam hal ini, Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah menunjukkan suatu contoh yang bergemilang paa menunjukkan perasaan baginda terhadap rakyat. Manakala Duli Yang Maha Mulia telah melawat ke Melaka bagi menuaikan kehendak rakyat Melayu Melaka supaya baginda mengambil bahagian bersama-sama dengan mereka di dalam keraian Maulud Al-Nabi sallallahu alaihiwasallam dan dengan demikian menyambungkan perhubungan Raja-raja Melayu dengan rakyat Melayu yang di negeri itu.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, di dalam lawatannya itu bukan saha telah menuaikan kehendak rakyat Melayu Melaka itu bahkan juga telah menunjukkan timbang rasa kepada rakyat Melayu Melaka dengan merapatkan perhubungan dengan mereka dan mengaku akan menuaikan apa-apa juga hajat umat Melayu Melaka terhadap baginda pada sebarang masa jua.

Perbuatan Duli Yang Maha Mulia itu adalah bukan sahaja menunjukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia itu sedang mengambil berat di atas hal ehwal rakyat Melayu Melaka itu akan tetapi juga telah mendengar dan memerhati sendiri bagaimana kehidupan mereka dan telah memberi bantuan semangat yang mustahak.

Sedikit masa dahulu Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah mengutus ucapan ke dalam majlis persidangan agung

UMNO di Butterworth iaitu suatu ucapan yang menggalakkan semangat rakyat juga.

Peri Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak

yang telah membuka majlis persidangan agung

UMNO di Butterworth itu adalah suatu lagi

perbuatan dari Duli-duli Yang Maha Mulia yang

menunjukkan menyertai rakyat.

Sekiranya tiap-tiap Sultan dan Raja Melayu

itu mempunyai sikap dan semangat rakyat

sebagaimana yang ditunjukkan oleh Duli-duli

Yang Maha Mulia Sultan pahang dan Perak itu, nescaya

banyaklah akan mendatangkan faedah dan pertolongan kepada rakyat.

Gerak geri Raja itu adalah cerminan bagi rakyat

sesebuah negeri. Rakyat mendapat galakan di dalam segala hal

yang dicerminkan oleh rajanya. Umpamanya jika lau rajanya

itu bersemangat membela dan meninggikan darjat rakyat

sendiri bertambah-tambah bersemangat dan galak di dalam hal

yang demikian dan sebaliknya jika Raja-raja itu hanya mementingkan

keseronokan hati yang melampau had agama sebagai

ber-dancing dan lain-lain kehendak hawa nafsu, nescaya rakyat

jugu tertarik kepada demikian dengan lebih-lebihnya lagi.

Bagi sebuah negeri yang beraja dan yang mempunyai

orang-orang besarnya, sikap dan perjalanan raja itu boleh

dibetulkan oleh orang-orang besarnya.

Bagi Tanah Melayu, yang Raja-rajanya sedang mempunyai

orang-orang besar dan badan-badan di dalam hal negeri dan

agama, sudah mustahak segala sesuatu gerak geri Raja itu

hendaknya yang sebenarnya menjadi cerminan yang manfaat kepada

rakyat dan bukan sebaliknya.


Perubahan yang Sayogia Diperhatikan

Jawatan M.C.S bagi orang-orang Asia bukan

Melayu, akan dibuka tidak lama lagi. Yang demikian adalah

suatu perubahan yang belum pernah berlaku sepertinya di dalam

Tanah Melayu ini selama ini, jawatan M.C.S



Di negeri Hadramaut adalah banyak rumah-rumah yang tinggi seperti ini.

Rumah-rumah itu dibuat oleh mereka sendiri di sana dengan tidak payah memanggil engineer dari luar negeri. Gambar ini menunjukkan rumah-rumah yang tinggi-tinggi di Syam-Hadramaut.

itu, hanya terbuka kepada orang-orang Inggeris dan melayu

ju. Di dalam hal yang demikian bilangan orang Inggeris

itu adalah berganda-ganda lebihnya dari orang-orang Melayu.

Sekiranya sebagaiman yang telah difahamkan, di dalam pengambilan

ahli M.C.S yang baharu itu atas cadangan empat

orang Melayu dan seorang bangsa Asia yang bukan Melayu. Itu

dijalankan, di situ nampaklah bilangan orang Melayu yang akan

diterima masuk ke dalam jawatan M.C.S. Adalah

lebih dari bangsa Asia yang bukan Melayu akan tetapi di dalam

cadangan yang seumpama itu tiadalah disebutkan berkenaan dengan

bangsa Inggeris. Oleh demikian di dalam pengambilan ahli-ahli

M.C.S baharu itu tidaklah diketahui berapa

banyakkah pula orang-orang bangsa inggeris itu yang akan diambil.

Bagaimanapun, adalah difikir oleh orang-orang Melayu iaitu

bagi menepati dengan kehendak orang-orang Melayu dan kehendaki

perlombagaan serta polis British yang hendak melayakkkan

orang Melayu berdiri sendiri itu. Hendaklah sepatutnya

diberhentikan sahaja mengambil pegawai-pegawai British itu.

Sementara itu, bagi kegemaran orang-orang Melayu suatu pertubuhan di dalam majlis mesyuarat undangan akan berlaku manakala yang amat berhormat Dato' Nik Ahmad Kamil Menteri Besar Kelantan itu telah dilantik menjadi speaker (Pengerusi) bagi Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu.

Jawatan, yang diberi kepada seorang Melayu itu adalah sangat kena pada tempatnya sebagaimana juga sangat kena dengan orangnya.

Lantikan ke atas yang amat berhormat Dato' Nik Ahmad Kamil menjadi speaker bagi Majlis Mesyuarat Undangan itu, adalah mengingatkan kita kembali kepada tuntutan orang-orang Melayu yang berkehendakkan supaya jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi itu dipegang oleh orang Melayu.

akan tetapi adakah barangkali oleh kerana ada setengah-setengah pihak yang memikirkan orang Melayu belum layak atau belum ada yang layak memegang jawatan itu ataupun lain-lain sebabnya tidaklah diketahui sehingga tuntutan itu telah dikehendaki bagaimanapun seiranya kelengkapan itulah yang dipandang, selain dari hak yang sepatutnya, adalah lantikan dan kedudukan Dato' Nik Ahmad Kamil sebagai speaker itu, cukuplah mengingatkan bahawa masanya telah tiba bagi orang-orang Melayu memegang dan menduduki jawatan-jawatan tinggi yang seumpama itu dengan tidak terkecuali hati jwatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi juga.

Hal-hal yang seumpama itu dan lain-lainnya adalah mustahak diperhatikan oleh Raja-raja dan orang-orang besar Melayu. Serta pemimpin-pemimpin Melayu yang menjadi tempat tumpuan harapan rakyat jelata bangsa Melayu amnya.

Membeli Ubat Sambil Menderma!

Keuntungan segala jenis

ubat-ubat pekeluaran saya
diberi dua persen setengah
pada seringgit. Derma-dermania
seperti ini: (1) di Mekah
kepada penuntut Malaya di Mekah,
(2) derma timbangan hampiran
Masjid Al-Haram, (3) derma
padq fakir miskin di Mekah,
(4) derma sambil air damni
Mekah yang sudah disaksikan
sendiri dibagi sama rata.



Derma-derma itu mulai daripada 1.11.52 hingga 11.7.53

(2) siapa-siapa membeli dua botol ubat bernama cinta Ajaib:
ubat-mendatangkan nikmat yang gembira berharga 2 botol \$5.00
bersih; Diberi sebuah kalender harian yang ada cogan kata
tiap-tiap hal:

Hj. C. Mohamed A. Rahman

154-5A, Marang, Terengganu.

BEBAS

Sebuah akhbar bulanan yang mengandungi pengetahuan umum dan hal-hal agama di negara Amerika dikeluarkan oleh "USIS" (United States Information Service) Singapura, Kuala Lumpur dan Penang. Keluaran yang pertama telah terbit dengan keadaan yang cantik dan mengandungi perkara-perkara yang bersabit dengan umum yang boleh dikata kandungannya tidaklah berasas kepada dakyah semata. Dengan kerana itu bolehlah ia dipandang sebagai sebuah akhbar bulanan yang sekalipun kecil tetapi besar maknanya di dalam persuratan kita.

Bebas adalah dibahagikan percuma kepada tiap-tiap orang yang mengisyiharkan namanya kepada dan sesiapa yang berhajat bagi piyah Singapura, Sarawak dan Brunei Utara hendaklah menulis kepada "USIS" Singapura dan orang-orang di Persekutuan Tanah Melayu hendaklah menulis kepada (USIS) di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Rebutlah peluang percuma ini untuk menambah pengetahuan umum.